

Darihal penggunaan "Bismillah..." dan ayat2 suci yang lain.

lahan atau dibaca di dalam hati, dan tidaklah, agaknya, untuk dilayangkan supaya didengari dan dan jaublah sekali, agaknya, dari dijadikan bahan poster dan poster untuk ditampal di dinding jamban?)).

BARU-BARU ini Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, telah mengemukakan sebuah parti tertentu kerana menggunakan ayat-ayat suci dari Al-Quran dalam manifesto parti berkenaan. (Ini telah mengilhamkan penulis selaku Ketua Satu atau Yang Dipertua Parti KOLU mencipta salah satu dari motto pilihannya dalam tahun 1983 nanti yang akan berbunyi: "Parti KOLU adalah penyelamat ayat-ayat suci dari penggunaan kurang suci..." — seperti dislarkan di halaman ini dua tiga hari dahulu).

Nota: Pendapat Datuk Seri Dr. Mahathir itu, nampaknya, telah dipersejukkan oleh sebuah badan agama yang boleh dianggap "high-powered," iaitu, Persatuan Alim Ulama Negeri Kedah. Kerana, seperti dilaporkan di Berita Harian, Jun 27, 1978, di bawah kepala bersaiz separuh besar: "Para pemimpin politik diingatkan — Jangan guna ayat Quran dalam kempen", Persatuan Alim Ulama Negeri Kedah melalui Setiausahanya, Tuan Haji Azhari bin Abdul Razak, mengingatkan pemimpin-pemimpin politik supaya jangan menggunakan potongan ayat-ayat suci Al-Quran yang boleh menyentuh kesuciannya dalam kempen pilihanraya mereka.

Pagi ini pula, yakni, Jun 29, seorang "Orang Kuat" parti tertentu itu, yakni, Ustaz Hassan Shukri, Setiausaha Agung parti berkenaan, telah dilaporkan dalam "Watan" di muka belakang sebagai berkata, "Pas suka memberitahu Datuk Seri Dr. Mahathir bahawa Allah menyuruh umatnya berdamping dengan ayat-ayat suci Al-Quran dalam setiap (penulis menambah, ulang, setiap) gerak-geri hidupnya". Umpamanya, ujar "Orang Kuat" tersebut, sewaktu hendak makan, minum dan lain-lain gerak-geri orang Islam disunatkan Bismillah-hirrahmannirrahim, bahkan sewaktu hendak ke bilik air ada doanya. (Doa yang dimaksudkan oleh Ustaz bijak-bistari itu, agaknya, adalah untuk dilafazkan secara perlahan-